

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Wednesday, October 24, 2018 11:48 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Dato' Zulkiply Tarik Minat Mahasiswa Ceburi Kesukarelawan, Kaunseling



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT

Universiti Utara Malaysia

24 OKTOBER 2018 / 15 SAFAR 1440H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah dan Aina Syamimi Che Hassan
Gambar oleh: SAPSP

**DATO' ZULKIPLY TARIK MINAT MAHASISWA CEBURI KESUKARELAWAN,
KAUNSELING**



UUM ONLINE: Sesi Perkongsian Pengalaman Profesor Adjung SAPSP, Dato' Zulkiply Ramli, yang juga Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Kebajikan Negara (YKN) menarik minat mahasiswa menceburi bidang kesukarelawan dan kaunseling.

“Bila jadi kaunselor, kita kena peka dengan semua yang ada di sekeliling, apa yang sedang berlaku, peka semua maklumat, pancaindera kena berfokus, keyakinan diri, hati suci dan bersih,” katanya ketika mengupas tajuk Batas Dan Sempadan Kebajikan Perspektif Kerja Sosial Dan Kaunseling di Dewan Seminar UUM CAS, semalam.

Beliau menceritakan pengalaman menjadi kaunselor Tabung Haji ketika berdepan dengan jemaah yang mahu pulang ke Malaysia sebaik sahaja tiba di Mekah.

“Apabila buat sesi kaunseling berlaku masalah komunikasi dengan isteri rupa-rupanya mereka datang ke Mekah dengan masalah yang tidak selesai ketika di tanah air lagi.

“Kita bertemu dan mendengar luahan daripada kedua-dua pihak dan pertemukan mereka akhirnya masalah mereka dapat diselesaikan dengan baik,” luahnya.

Jelasnya, sesi kaunseling merupakan penerokaan kepada kaunselor untuk mengambil hati pelanggan supaya terus bercakap seterusnya memberi keyakinan kepada pelanggan untuk meluahkan masalah yang dialami.

“Kaunselor mesti tengok banyak *angle*, sempadan, sama ada yang melanggar sempadan atau tidak dan ketika pulang tinggalkan semua masalah di pintu pejabat.

“Senario di Malaysia dahulu dan sekarang cukup berbeza kerana bagi sesetengah orang sekiranya tidak mendapat bantuan merupakan satu kesalahan berbanding zaman dulu, orang malu apabila mendapat bantuan.

“Walaupun mudah kita mengatakan bahawa bagi pancing lebih baik daripada bagi ikan namun memberi bantuan bukan sekadar tangkap muat kerana kebanyakan jabatan yang telah memberi bantuan gagal mencapai sasaran yang ditetapkan,” katanya.

Justeru itu, menurutnya, persediaan kaunseling perlu dilakukan sebaik mungkin dan sebagai orang yang mendapat latihan, bidang ini akan melalui satu proses dan kerja kebajikan tidak akan berakhir di sini kerana ia adalah satu proses yang berterusan.

Tambahnya lagi, beliau berhasrat menubuhkan satu sekretariat di UUM untuk menyelaras program kesukarelawanan sebagai cetus pertama seumpamanya.

Beliau berkata, UUM akan menjadi universiti pertama yang akan mengendalikan semua program kesukarelawan dengan YKN dan menjalankan program komuniti dengan pendekatan yang betul.

Beliau menyeru mahasiswa untuk menyertai aktiviti amal di bawah YKN yang melibatkan mahasiswa dari pelbagai negeri dan pendaftaran atas talian boleh dibuat dengan melayari YKN supaya usaha kebajikan akan berterusan.

YKN turut membuka kaunter pendaftaran kepada mahasiswa untuk menjadi sukarelawan YKN dan mereka diberikan vest edisi terhad.

Pada majlis sama, turut diadakan Perasmian Kempen YKN-Tabung Rakyat Palestin dan Pelancaran *'Friends of YKN'* Peringkat UUM yang disempurnakan oleh Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Prof. Dr. Abdul Malek Abdul Karim.

Tabung Rakyat Palestin merupakan bantuan kemanusiaan yang memberi fokus kepada bantuan pendidikan dan kebajikan termasuk keperluan makanan serta perubatan penduduk

di sana yang berhadapan krisis kewangan sehingga menjejaskan aktiviti pendidikan dan kebajikan rakyat Palestin.

YKN bekerjasama dengan pelbagai pihak bagi memastikan dana yang dikumpul dapat dimanfaatkan oleh rakyat Palestin di bumi Gaza, justeru kempen derma tersebut adalah medium kepada orang ramai yang prihatin terhadap isu kemanusiaan di Palestin.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.